

TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

SAMBUTAN HARI PENDIDIK MARA 2017

**HOTEL PREMIERA,
KUALA LUMPUR**

**16 MEI 2017 (SELASA)
WAKTU KETIBAAN : 8.30 MALAM**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

SALUTASI

Yang Berusaha Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmanirraahim

Assalamualaikum w.b.t Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam majlis Sambutan HARI PENDIDIK MARA 2017.

2. Setiap tahun, tarikh 16 Mei merupakan hari yang amat bermakna bagi warga pendidik kerana para pendidik diraikan demi menghargai jasa dan menyanjung pengorbanan dalam mendidik anak bangsa.

3. MARA juga tidak ketinggalan meraikan Hari Pendidik ini kerana ianya merupakan satu pengiktirafan diberikan kepada para pendidik MARA di atas peranan dan sumbangan yang dalam mendidik anak bangsa terutamanya masyarakat bumiputera.

4. Sempena hari yang amat bermakna ini, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan segunung kasih dan setulus penghargaan kepada semua warga pendidik MARA di seluruh pelosok negara.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. MARA telah menyediakan satu ekosistem pendidikan yang terbaik di negara ini meliputi pelbagai peringkat pendidikan bermula daripada pendidikan pra-sekolah iaitu Tadika MARA, MRSM bagi pendidikan menengah, bidang TVET yang terdiri daripada GIATMARA, IKM, KKTM, MJII, GMI dan UniKL yang menawarkan program di peringkat sijil sehingga ijazah.

6. Di samping itu juga, bagi laluan akademik, MARA menawarkan program melalui institusi pendidikan seperti Kolej MARA (KM), KPM, KPTM, KUPTM, dan UniMARA.

7. Kita boleh berbangga pada hari ini kerana MARA menjadi penyumbang dalam melahirkan ramai modal insan yang terlatih di pelbagai peringkat bagi pembangunan sosial ekonomi negara.

8. Ini membuktikan bahawa pelan pembangunan pendidikan MARA telah berjaya melahirkan modal insan dalam memacu negara ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi.

9. Dalam RMK-11, kerajaan telah memperuntukkan kepada MARA sebanyak RM2.3 billion untuk aktiviti pembangunan manakala RM1.2 billion untuk bajet mengurus di bawah sector pendidikan untuk tahun 2017.

10. Buat masa ini MARA telah memiliki 343 pusat pendidikan dari peringkat pra sekolah hingga ke peringkat Universiti. Dalam RMK-11, bagi pendidikan menengah, kerajaan telah meluluskan pembinaan 5 buah MRSM iaitu MRSM Bera, Pahang; Bagan Datoh, Perak; Ketereh dan Tanah Merah, Kelantan serta Sik, Kedah dengan nilai anggaran peruntukan sebanyak RM550 juta. Bagi pendidikan peringkat tertiar, kerajaan juga telah meluluskan pembinaan kampus KPTM di Ipoh, Perak dan Semporna, Sabah dengan peruntukan berjumlah RM110 juta.

11. Dalam bidang TVET pula, IKM Seberang Prai Utara (IKM SPU) akan mula membuat pengambilan pertamanya pada sesi Julai 2017. IKM ini menawarkan program dalam bidang kompetensi elektrik tahap voltan rendah dan voltan tinggi. Manakala pembinaan KKTM Selama, Perak dengan anggaran peruntukan RM200 juta dijangka siap dan mula beroperasi pada tahun 2019. KKTM ini memfokuskan bidang automotif khusus kepada High Performance Car, Commercial Vehicle dan Superbike.

12. Selaku pelopor bidang Higher-TVET, UniKL terus menerajui pelbagai bidang baharu dengan kerjasama rakan strategik industri tempatan dan antarabangsa seperti Rapid Rail Sdn Bhd dan JR Kyushu dari Jepun dalam bidang Rail Technology. Bidang baharu yang lain adalah bidang water technology, yang fokus kepada aktiviti mengkaji dan menambah baik amalan tadbir urus sumber air negara, yang mana kampusnya akan dibina di Bera, Pahang.

13. Ini menunjukkan bahawa kerajaan kita hari ini begitu prihatin terhadap keperluan pendidikan kepada rakyat Malaysia terutamanya kaum bumiputera.

14. Di samping itu juga, melalui kerjasama MARA-Petronas, pihak Petronas telah bersetuju untuk membiayai pembinaan 2 buah MRSM iaitu di Bintulu, Sarawak dan di Ranau, Sabah.

15. MARA juga telah mewujudkan Assuring Employability Program (AEP) dengan kerjasama industri yang berkonsepkan Teaching Factory bagi memastikan pelajar-pelajar mendapat jaminan pekerjaan setelah tamat pengajian di IPMa. Setakat ini, 2 syarikat telah terlibat iaitu CTRM Aero Composite Sdn Bhd dalam bidang Komposit Aeroangkasa yang mana 100 orang pelajar sedang mengikuti latihan di KKTM Masjid Tanah, Melaka. Manakala kerjasama dengan Syarikat UMW, seramai 20 orang pelajar sedang dilatih dalam bidang Industrial Automation Robotic di KKTM

Kuantan. Pelajar-pelajar ini akan terus ditawarkan pekerjaan di syarikat berkenaan setelah tamat pengajian mereka.

16. Ini juga membuktikan pihak industri meletakkan kepercayaan dan keyakinan yang tinggi kepada MARA sehinggakan mereka bersedia berganding bahu bersama MARA dalam usaha pembentukan dan pembangunan modal insan negara.

PEMBANGUNAN KERJAYA PENDIDIK MARA

Sidang hadirin sekalian,

17. Bagi mengekalkan kemampanan (sustainability) sistem pendidikan MARA ke tahap yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan global, banyak inisiatif yang dilaksanakan oleh MARA antaranya ialah meningkatkan tahap profesionalisme dan kompetensi pendidik melalui kursus dan latihan yang dilaksanakan dari masa ke masa sama ada di dalam mahupun di luar negara.

18. Daripada 11,035 pendidik MARA, seramai 399 orang pendidik IPMa telah berjaya memperolehi kelulusan di peringkat PhD dan 2,366 orang di peringkat sarjana. Usaha penambahan bilangan ini diteruskan dengan 346 orang pendidik IPMa sedang mengikuti program PhD, 769 orang pendidik di peringkat sarjana dan hari ini difahamkan MARA telah meluluskan seramai 21 orang pendidik dari IKM untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Automotif di UniKL.

19. Baru-baru ini juga, MARA telah menandatangani MoU dengan Association of Chartered Certified Accountant (ACCA) dan sebagai permulaan kerjasama ini, MARA akan menaja seramai 15 orang pensyarah dari KPM dan KUPTM untuk mengikuti persijilan profesional ACCA. Pengajian ini akan bermula pada bulan Julai 2017 dengan peruntukan sebanyak RM440 ribu. Syabas dan tahniah diucapkan!

GURU PEMBINA NEGARA BANGSA

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Sebagai sebuah negara majmuk seperti Malaysia, prasyarat utama untuk membina sebuah negara bangsa yang teguh adalah melalui pengukuhan perpaduan, pembinaan identiti nasional, dan saling hormat menghormati kepelbagaian adat resam dan budaya.

21. Bagi merealisasikan perkara ini, para pendidik memainkan watak yang penting ke arah pembina negara bangsa. Ini terbukti melalui tema yang masih dikekalkan

sehingga kini iaitu “Guru Pembina Negara Bangsa”. Tema ini amat bertepatan dengan hasrat kerajaan memperteguhkan peradaban bangsa melalui pendidikan.

22. Dalam konteks MARA pula, peradaban bangsa adalah merujuk kepada melahirkan warga bumiputera global iaitu bumiputera yang berakar nasional dan berakar internasional.

23. Justeru, pendidik perlu istiqamah untuk membangunkan pelajar secara holistik dalam konteks jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

PESANAN KEPADA PENDIDIK MARA

Hadirin yang dikasihi sekalian,

24. Masyarakat sentiasa memberikan penghormatan dan penghargaan yang tidak terhingga terhadap tugas dan peranan pendidik. Pengiktirafan ini menandakan harapan dan kepercayaan yang sangat tinggi terhadap komitmen dan kemampuan pendidik dalam menyumbang ke arah pembangunan potensi masa depan pelajar. Maka amat wajar jika Sambutan Hari Pendidik MARA yang diraikan setahun sekali ini memberi kedudukan istimewa kepada insan yang bernama pendidik.

25. Inilah satu-satunya cara terbaik untuk menyatakan terima kasih dengan penuh penghargaan dan penghormatan kepada para pendidik MARA. “Terima Kasih Cikgu”, atas segala usaha dan kesungguhan yang telah diberikan dan yang akan diberikan dalam melaksanakan tanggungjawab mendidik dan memikul amanah rakyat.

26. Di kesempatan ini, saya ingin menyarankan kepada para pendidik MARA agar sentiasa meningkatkan kualiti diri melalui 3 aspek utama iaitu peningkatan 3C, Capacity (keupayaan), Capability (kebolehan) dan Characteristic (keperibadian).

27. Peningkatan keupayaan (capacity) bermaksud meningkatkan keilmuan selari dengan keperluan semasa melalui peningkatan kelayakan akademik iaitu dari peringkat diploma sehingga PhD dan profesional. Manakala peningkatan kebolehan (capability), saya mengharapkan para pendidik MARA sentiasa meningkatkan lagi kebolehan dalam aspek kemahiran seperti penguasaan ICT, pengurusan, kemahiran berkomunikasi dan penguasaan pelbagai bahasa antarabangsa.

28. Dan aspek yang ketiga, para pendidik MARA perlu meningkatkan lagi keperibadian (characteristic) dengan menerapkan nilai-nilai murni dan positif selari dengan adat resam, budaya dan agama.

29. Saya yakin dengan menguasai dan meningkatkan ketiga-tiga aspek ini, para pendidik akan terus dihormati dan menjadi role model kepada anak didik khususnya dan masyarakat amnya. Berkhidmatlah dengan penuh ikhlas dan dedikasi walaupun tugas mendidik merupakan suatu tugas yang berat dan mencabar. Teruslah berjuang membina negara bangsa kerana negara kita amat memerlukan khidmat bakti para pendidik.

30. Syabas dan tahniah, saya ucapkan kepada warga pendidik MARA yang akan menerima Anugerah Pendidik Cemerlang MARA 2017 dan juga kepada Tokoh Pendidik MARA 2017 di atas kejayaan anda semua.

31. Semoga anugerah ini dapat membakar semangat dan keazaman untuk terus menyumbang bakti kepada anak bangsa dan negara.

PENUTUP

32. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahimnirrahim saya merasmikan Majlis Sambutan Hari Pendidik MARA 2017.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.